



19 JUL, 2025

## Tarif elektrik skim ToU lebih murah bagi isi rumah bekerja



Kosmo, Malaysia

# Tarif elektrik skim ToU lebih murah bagi isi rumah bekerja

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

**PETALING JAYA** – Kadar tarif elektrik bagi pengguna yang memilih skim Masa Penggunaan atau Time of Use (ToU) dijangka lebih menjimatkan berbanding kadar tarif am (fixed rate).

Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Jasrul Jamani Jamian berkata, skim itu menawarkan kadar caj yang lebih murah ketika di luar waktu puncak antara pukul 10 malam hingga pukul 2 petang.

Kata beliau, ini terutamanya kepada isi rumah yang bekerja dan hanya pulang ke rumah pada lewat petang.

"Biasanya isi rumah yang bekerja, mereka akan pulang dan sampai rumah antara pukul 7 malam. Walaupun antara pukul 7 malam hingga 10' malam tarif masih mahal, tetapi hanya tiga jam sahaja (yang kena bayar mahal).

"Sehari kita ada 24 jam, tiga jam itu sahaja yang kita guna mahal. Sedangkan waktu-waktu lain lebih murah. Jadi sebagai pengguna kita boleh tengok macam mana cara penggunaan elektrik di rumah masing-masing.

"Kalau contoh waktu hujung minggu ramai anak-anak, semua orang ada di rumah dan sebagainya. Lebih baik kita pindah kepada skim ToU berbanding dengan skim tarif am yang mengenakan kadar sama setiap waktu," katanya kepada Kosmo!

Mengulas lanjut, Jasrul Ja-



JASRUL JAMANI

“Sebagai contoh, kalau mahu menggosok atau membasuh baju bolehlah dilakukan bermula pukul 10 malam sewaktu tarif sudah murah.”

mani berkata, secara amnya, tarif baharu ToU itu sebenarnya jauh lebih murah cajnya jika dibandingkan dengan kaedah sebelum ini yang mengekalkan caj menggunakan kaedah blok.

"Sebelum ini kalau tarif menggunakan blok, tidak ada tarif mahal atau murah atau dengan erti kata lain, kita (pengguna) tiada pilihan. Nak tak nak kita kena guna juga.

"Tapi disebabkan skim baru ToU ini kita dah ada tarif mahal dan murah, tetapi tarif mahal ini sekejap sahaja. Maka kita boleh 'tukarkan' sedikit pekerjaan pada waktu tarif murah supaya penggunaan kita lebih menjimatkan.

"Sebagai contoh, kalau mahu menggosok atau membasuh baju bolehlah dilakukan bermula pukul 10 malam sewaktu tarif sudah murah," katanya.

Ujarnya, pengguna perlu memohon jika mahu menukar tarif kepada skim ToU di premis Tenaga Nasional Berhad seluruh negara.

Tambah Jasrul Jamani, antara peralatan elektrik yang menggunakan banyak kuasa termasuklah seterika, mesin pengering pakaian, pemanas air dan juga penghawa dingin.

"Elakkan pengguna alatan elektrik seperti ini (yang menggunakan tenaga elektrik banyak) pada waktu tarif mahal (pukul 2 petang hingga 10 malam). Gunalah alat ini selepas waktu tersebut supaya bil elektrik tidak melambung.

"Bagaimanapun, pengguna masih boleh menggunakan peralatan lain seperti lampu, kipas atau televisyen walaupun pada waktu puncak kerana semua peralatan ini tidak menggunakan tenaga elektrik yang besar," katanya.